

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN B. NAINA
MERICAN**
[KEPALA BATAS]
TARIKH : 05 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 24

Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN B. NAINA MERICAN [KEPALA BATAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan fi pengurusan (management fees) yang dibayar masing-masing kepada Mizuho Bank, HSBC dan Daiwa Capital sebagai "lead arrangers" kepada Bon Samurai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi melaksanakan penerbitan bon Samurai, pemilihan *Joint Lead Arrangers* (JLAs) telah dilaksanakan secara *Request For Proposal* (RFP). Lanjutan daripada itu, Kerajaan Malaysia telah melantik tiga buah bank sebagai JLAs iaitu Mizuho Bank (Malaysia) Berhad, HSBC Bank Malaysia Berhad dan Affin Hwang Investment Bank Berhad dengan kerjasama Daiwa Securities Group Inc..

Setiap JLAs bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas yang diberikan dan pembahagian tugas adalah berdasarkan kepakaran masing-masing. Tanggungjawab bank berkenaan adalah seperti memastikan dokumen perundangan yang berkaitan dikemas kini mengikut prosedur, mengurus logistik dan menyediakan dokumen semasa sesi bertemu pelabur di Jepun serta mengetuai sesi pemasaran dan penetapan harga bagi terbitan tersebut. Kementerian telah melakukan beberapa siri libat urus bersama bank yang telah disenarai pendek sebagai JLAs bagi membincangkan beberapa perkara mengenai terbitan bon Samurai, termasuk bayaran fi pengurusan.

Majoriti bank tersebut mengenakan bayaran fi pengurusan dalam lingkungan 0.075% hingga 0.100% daripada jumlah terimaan kasar. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan telah merunding kadar fi pengurusan yang lebih rendah. Oleh itu, fi pengurusan bagi ketiga-tiga JLAs adalah sebanyak 0.051% daripada jumlah terimaan kasar iaitu sebanyak RM3.7 juta dan dibayar setelah bon Samurai berjaya diterbitkan pada 15 Mac 2019.